

SOALAN LAZIM**PEMBIAYAAN MIKRO-i PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (MPPK 2.0)**

1. **Apakah Pembiayaan Mikro-i Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK 2.0) ini?**
Pembiayaan yang ditawarkan kepada usahawan mikro yang menjalankan perniagaan sepenuh masa.
2. **Berapakah dana yang diperuntukkan untuk MPPK 2.0 ini?**
Dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan adalah sebanyak RM8 juta.
3. **Siapakah kumpulan sasar bagi MPPK 2.0?**
Usahawan mikro sepenuh masa.
4. **Adakah pembiayaan ini memerlukan pengalaman berniaga?**
Ya, sekurang-kurangnya telah menjalankan perniagaan selama dua tahun secara berturut-turut.
5. **Apakah definisi usahawan mikro?**
Definisi **usahawan mikro** adalah seperti berikut:

Aktiviti Ekonomi	Jumlah Jualan Tahunan dan Bilangan Pekerja
Perkilangan dan Perkhidmatan (dan lain-lain)	Kurang daripada RM300,000 atau kurang daripada lima orang pekerja

6. **Berapakah amaun pembiayaan yang ditawarkan?**

Sehingga RM50,000.00, bergantung kepada kelayakan, keupayaan bayaran ansuran dan keperluan perniagaan pelanggan berdasarkan penilaian dan keputusan Bank.

7. **Apakah kadar keuntungan untuk pembiayaan ini?**

Tiada kadar keuntungan yang dikenakan.

8. **Apakah syarat kelayakan untuk memohon pembiayaan ini?**

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 – 60 tahun semasa permohonan.
- Penjaja atau peniaga kecil yang menjalankan mikro enterpris secara sepenuh masa.
- Mempunyai lesen/ permit/ daftar perniagaan yang sah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Bagi pelanggan informal surat pengesahan berniaga daripada ketua komuniti perlu diperolehi.





Bank Pilihan Anda

- Jenis pemilikan perniagaan yang dibenarkan adalah:
 - a. Pemilik Tunggal
 - b. Persendirian
 - c. Perkongsian
- Aktiviti perniagaan yang dijalankan tidak bertentangan dengan Syariah.
- Tidak mempunyai rekod pembiayaan terjejas / senarai hitam
- Tidak muflis (bankrupt).
- Semakan kredit – Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) dan agensi pelaporan kredit CTOS Data Systems Sdn. Bhd akan dilaksanakan bagi tujuan kelulusan.
- Digalakkan untuk mempunyai Akaun Simpanan-i di Bank Rakyat.
- Perlu mendapatkan surat sokongan daripada Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil yang berdaftar dengan pendaftar pertubuhan atau sokongan mengesahkan pemilik berniaga sama ada di premis/kediaman daripada pemimpin masyarakat semasa membuat permohonan seperti berikut:

Pemimpin Masyarakat/Ketua Komuniti.	Persatuan
Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP)	Pengerusi/Yang Dipertua
Pegawai Daerah	Timbalan Pengerusi
Ketua Kampung	Setiausaha
Penghulu/ Penggawa/Tok Batin	Ketua Cawangan

9. Bagaimanakah cara untuk memohon pembiayaan ini?

Pelanggan boleh melayari <https://qr2e.bankrakyat.com.my> atau www.bankrakyat.com.my untuk maklumat lanjut.

Pelanggan juga boleh menghubungi atau mengunjungi mana-mana Pusat Perbankan Perniagaan Bank Rakyat (BBC) yang berdekatan.

Senarai BBC adalah seperti berikut:





Bank Pilihan Anda

No.	Pusat Perbankan Perniagaan	Alamat	Nombor Telefon
1.	Kuala Lumpur	Tingkat 15, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No 33. Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470, Kuala Lumpur.	03-26004751
2.	Selangor	No. 9 & 11, Tingkat 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah, U9/9H, Seksyen 9, 40000, Shah Alam, Selangor.	03-55198427
3.	Melaka/Negeri Sembilan	Unit 4-3, Tingkat Tiga, Jalan KC 1, Kota Cemerlang, 75450, Ayer Keroh, Melaka.	06-2310498
4.	Pahang	No. 43A, Jalan Haji Abdul Aziz, 25000 Kuantan, Pahang.	09-5133432
5.	Perak	No. 61, Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lengkok Kledang Raya, Taman Kledang Raya, 30100 Ipoh, Perak.	05-5280757
6.	Johor	No 61, Tingkat 1, Susur Larkin Perdana 1, Persiaran Lakin Perdana, Taman Larkin Perdana, 81100, Johor Bahru, Johor.	07-2446481
7.	Utara	No 21 & 22, Tingkat 2, Jalan Jati 1/1, Pusat Perniagaan Amanjaya, 08000, Sungai Petani, Kedah	04-4404685
8.	Pantai Timur	Tingkat 1 & 2, PT 1711, Jalan Raja Zainab 2, Bandar Baru Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan.	09-7642436
9.	Sabah	Lot 5 & 6, Tapak Putatan Baru, Jalan Putatan, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.	08-876352
10.	Sarawak	Block E Tower, Lot No. 1654 (SL46), Sentosa Parade, Block 46 Kuching Central Land District, 7th Mile, Jalan Penrissen, 93250 Kuching, Sarawak.	082-612594

